



UNTUK SIARAN SEGERA

**SME Corp. Malaysia Buka Peluang kepada Usahawan Eksport Produk Makanan ke Pasaran Antarabangsa**

**SEREMBAN, 19 Mac 2017** – MITI dan SME Corp. Malaysia terus komited di dalam menyediakan bantuan yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dan daya saing sehingga usahawan akhirnya mampu menembusi pasaran eksport. Sejak tahun 2013, SME Corp. Malaysia telah meluluskan sejumlah RM100 juta geran bersamaan di bawah Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP).

Seiring dengan pengumuman tahun 2017 sebagai tahun permulaan perniagaan dan mempromosikan PKS, SME Corp. Malaysia mensasarkan lebih ramai usahawan terutamanya Bumiputera untuk menembusi pasaran luar melalui penganjuran program pembangunan PKS yang bersesuaian. Dengan fokus yang lebih khusus diberikan kepada PKS pada tahun ini, lebih banyak program pembangunan PKS akan dijalankan bagi merangsang pertumbuhan industri di samping menggalakkan lagi aktiviti eksport. Dengan sumbangan semasa PKS kepada nilai eksport pada kadar 17.6%, tujuan dan aspirasi Kerajaan tetap tidak berubah, supaya PKS dapat diintegrasikan dalam arus perdana dan trajektori pertumbuhannya dipercepatkan bagi meningkatkan sumbangan eksport kepada 23% menjelang 2020.

YB Datuk Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pada hari ini telah berkesempatan melawat Hajjah Aminah Food Industries Sdn Bhd (HAFI), sebuah perusahaan bertaraf 4 bintang di bawah Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan (SCORE) dan diterajui oleh usahawan wanita bumiputera di Negeri Sembilan. Selain daripada membekalkan produk halal kepada syarikat besar seperti Felda D'Saji dan hotel bertaraf antarabangsa di Kuala Lumpur, HAFI telah mengorak langkah untuk menembusi pasaran antarabangsa. HAFI merupakan salah satu PKS di Negeri Sembilan yang

telah banyak mendapat manfaat serta bantuan daripada agensi-agensi seperti SME Corp. Malaysia, MARA, MATRADE dan Jabatan Veterinar Negeri Sembilan. Program-program seperti SCORE, BEEP, Program Pensijilan 1-InnoCERT dan Program Galakan Eksport Bumiputera anjuran SME Corp. Malaysia adalah program-program yang tidak asing lagi buat Puan Norlia Mohd Yusof, pemilik Hajjah Aminah Food Industries Sdn Bhd.

Lawatan industri oleh YB Datuk Ahmad Maslan ini turut disertai oleh wakil Kementerian, Agensi, Jabatan yang berkenaan serta peserta-peserta Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) sekitar Negeri Sembilan. Melalui lawatan seperti ini, potensi dan prospek syarikat dapat diketengahkan kepada Agensi dan Jabatan yang lain agar terus membantu meningkatkan lagi keupayaan operasi dan prestasi syarikat. YB Datuk Ahmad Maslan juga berkesempatan berkongsi program-program pembangunan lain yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia dan agensi-agensi serta meluangkan masa mendengar isu dan cabaran yang dihadapi oleh usahawan.

### **# Tamat #**

Untuk maklumat lebih lanjut sila hubungi Cik Amy Sarah Ahmad Fuad di 03-2775 6352 atau emel - [amysarah@smecorp.gov.my](mailto:amysarah@smecorp.gov.my), En Ahmad Mu'izz Mohd Yusof di 03-2775 6275 atau emel – [muizzyusof@smecorp.gov.my](mailto:muizzyusof@smecorp.gov.my)

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA

(SME CORPORATION MALAYSIA)

Aras 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001

Laman Web: [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my) e-mel: [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)

### **SME CORP. MALAYSIA**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.